

**Driver Group Yakin Dapat Lebih Banyak Projek Di Malaysia**  
**Bernama**  
**19 Januari, 2013**  
**Oleh Siti Radziah Hamzah**

KUALA LUMPUR, 19 Jan(Bernama) -- Perunding pembinaan global, Driver Group Plc, yakin akan mendapat lebih banyak projek di Malaysia dengan pelancaran operasi berjenama barunya, Driver Trett Consultancy.

Syarikat itu juga telah menubuhkan jenama perkhidmatan saksi dan guaman, DIALES, di bawah naungannya.

Pengarah Urusan Driver Trett untuk Asia Pasifik, Alastair Farr berkata syarikat yakin bahawa terdapat banyak peluang untuk membangun di Malaysia.

Setakat ini, syarikat itu mengendalikan 10 projek perundingan di Malaysia.

"Kami banyak terlibat dalam kejuruteraan sivil, dan berminat dalam minyak dan gas.

"Itu adalah salah satu sektor utama yang kami sasarkan untuk berkembang, terutamanya dalam gas asli cecair," kata Farr kepada Bernama.

Syarikat itu memberikan nasihat pakar dan menyokong syarikat-syarikat dalam membuat tuntutan atau pembelaan atas tuntutan untuk masa dan wang, apabila projek-projek mengalami kelewatan atau gangguan.

Dengan pembelian Trett Consulting (Malaysia) Sdn Bhd oleh Driver Group pada 2012, syarikat itu akan mengembangkan pengurusan projek strategik dan penawaran perkhidmatan projek.

Di Asia Pasifik, Driver Trett mempunyai pejabat di Malaysia, Singapura dan Australia, dengan kehadiran global di Afrika, Amerika, Eropah dan Timur Tengah.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=922887>